

HIKMAH DI SEBALIK MUSIBAH

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Pada akhir-akhir ini, beberapa kejadian bencana seperti ribut, taufan, gempa bumi dan tsunami telah berlaku di beberapa tempat di dunia. Bencana seperti ini bukan sahaja melibatkan kemusnahan harta benda yang besar, malah telah mengorbankan beribu-ribu nyawa.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kita kerap kali mendengar berita mala petaka berupa kematian menimpa saudara-mara, kenalan kita atau sesiapa jua sama ada akibat kemalangan jalan raya, kapal terbang terhempas, feri tenggelam, kebakaran, banjir, tanah runtuh dan mati lemas. Tidak kurang juga ramai yang menjadi korban kepada pelbagai jenis penyakit seperti barah, penyakit jantung, kencing manis, angin ahmar, demam denggi berdarah, keracunan dan banyak lagi. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Anbia' ayat 35:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۗ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Yang bermaksud: *Setiap diri akan merasai mati. Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan sedangkan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.*

Imam al-Baidhawi mentakrifkan perkataan ‘musibah’ sebagai semua kemalangan yang dibenci dan menimpa umat manusia. Antara bentuk musibah yang melanda manusia adalah seperti rugi atau muflis dalam perniagaan, kehilangan harta atau binatang ternak, ditimpa penyakit, dibuang kerja, kehabisan wang, kelaparan, diganggu musuh, menjadi mangsa jenayah dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ

وَالشَّمْرِاتِ وَبَشْرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (terhadap musuh), kelaparan, kekurangan harta benda dan jiwa serta buah-buahan (hasil tanaman). Sampaikanlah berita gembira kepada orang yang sabar.*

Tujuan Allah Subhanahu wa Taala menimpakan musibah kepada manusia adalah supaya manusia bermuhasabah diri. Kemungkinan ia melakukan kesilapan atau kedurhakaan kepada Allah Subhanahu wa Taala, lalu ditimpakan musibah sebagai tanda Allah Subhanahu wa Taala menegur atau memberi peringatan

kepadanya. Selain daripada itu, setiap musibah yang terjadi mengandung hikmah yang besar antaranya untuk menguji tahap keimanan manusia. Firman-Nya dalam surah al-Ankabut ayat 2:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *Apakah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedangkan mereka belum diuji (bagi membuktikan keimanan mereka)?*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Musibah yang menimpa seseorang juga merupakan suatu tanda bahawa Allah sayang kepadanya dan inginkan kebaikan kepada hamba-Nya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدِهِ الْخَيْرَ عَجَّلَ لَهُ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا، وَإِذَا أَرَادَ بِعَبْدِهِ الشَّرَّ

أَمْسَكَ عَنْهُ بِذَنْبِهِ حَتَّى يُؤَافِيَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Yang bermaksud: *“Apabila Allah menginginkan kebaikan kepada hamba-Nya, maka Allah akan mempercepatkan hukuman di dunia. Dan apabila Allah menginginkan keburukan kepada hamba-Nya,*

maka ditangguhkan hukuman terhadap dosa-dosanya itu sehingga ia mendapat balasannya pada hari kiamat.”

Allah Subhanahu wa Taala juga menjanjikan pahala yang besar kepada orang yang diuji dengan musibah sekiranya ia bersabar dan reda. Ini dijelaskan melalui sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ، وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ،
فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَى، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السُّخْطُ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya besarnya pahala tergantung pada besarnya ujian. Dan sesungguhnya Allah apabila mencintai suatu kaum, maka Allah akan menguji mereka. Sesiapa yang reda, maka ia akan mendapat keredaan-Nya. Sesiapa yang kesal terhadapnya, maka ia akan mendapatkan kemurkaan-Nya.”*

Selain daripada itu, sesuatu musibah sama ada besar atau kecil merupakan penghapus dosa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مَا مِنْ مُصِيبَةٍ تُصِيبُ الْمُسْلِمَ إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا عَنْهُ ، حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا

Yang bermaksud: *“Tidaklah suatu musibah menimpa seorang muslim, melainkan Allah akan menggugurkan dosa-dosanya, meskipun hanya terkena duri.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama merasa sedar dan insaf dengan pelbagai bencana yang menimpa umat manusia di serata dunia akhir-akhir ini. Ambillah ia sebagai pengajaran dan iktibar daripada Allah Subhanahu wa Taala kepada kita dan masyarakat. Musibah yang menimpa menuntut kita supaya bersabar dengan cara bersangka baik kepada Allah Subhanahu wa Taala. Maka belajarlah untuk sentiasa sabar, tenang dan bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Taala. Setiap musibah yang berlaku pasti ada hikmahnya. Firman-Nya dalam surah Ali Imran ayat 186:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنْ تَصَبَّرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

Yang bermaksud: *Dan jika kamu bersabar dan bertakwa, maka sesungguhnya yang demikian itu adalah perkara-perkara yang utama (mesti dihadapi dengan sabar dan teguh hati).*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.